

## Menjejaki Keadilan, Budaya dan Komunikasi Pengadil Bola Sepak

Exploring Justice, Culture and Football Referees' Communication

PETER SIMMONS & LEE KUOK TIUNG

### ABSTRAK

*Secara umum keterampilan komunikasi pengadil memainkan peranan penting dalam menentukan reaksi pemain terhadap keputusan pengadil. Walau bagaimanapun, sedikit sahaja diketahui tentang pengaruh relatif antara amalan dan gaya komunikasi pengadil yang berlainan terhadap pemain, mahupun perbezaan disebabkan budaya. Sehingga kini pengadil bola sepak masih bergantung kepada kurikulum yang berubah-ubah untuk mengetahui perkembangan strategi komunikasi yang efektif (Mellick et al. 2005) yang boleh digunakan dalam perlawanan bola sepak. Makalah ini mempersembahkan kerangka konseptual satu kajian peringkat antarabangsa berhubung reaksi pemain terhadap paparan komunikasi pengadil yang berlainan. Tujuannya adalah untuk menguji pandangan yang diterima umum tentang bola sepak dan dapatan hasil kajian sebelum ini berkenaan komunikasi pengadil, dan cara-cara seseorang melihat keadilan. Usaha ini berasaskan kepercayaan akan pentingnya memahami perkara yang mempengaruhi persepsi terhadap keadilan bagi semua lapisan masyarakat. Kajian masa lalu menunjukkan apabila seseorang melihat keadilan dalam keputusan, mereka cenderung untuk bertindak secara lebih pro-sosial dan bekerjasama (van den Bos et al. 2005). Paling penting adalah persepsi terhadap keadilan sebenarnya bukan semata-mata berasaskan keputusan, sebaliknya keadilan secara berasingan dipengaruhi oleh proses membuat keputusan dan cara seseorang dilayan oleh pembuat keputusan (Lind 2001). Bersandarkan hujah Leung (2005), Hall dan Reed-Hall (1990), dan Hofstede (1980), kajian meramal budaya nasional akan mempengaruhi respons pemain bola sepak terhadap paparan komunikasi pengadil. Makalah ini berakhir dengan membincang kaedah vignet quasi-eksperimental yang diguna untuk menguji kesan kemarahan, penjelasan dan umur pengadil dengan persepsi pemain tentang keadilan di tiga buah negara yang mempunyai ciri-ciri budaya yang berbeza, iaitu Australia, Malaysia dan Sepanyol.*

*Kata kunci: Pengadil, keadilan, budaya, komunikasi, kaedah vignet*

### ABSTRACT

*Generally referee communication discernment plays an important part in determining players' reactions to referee's decisions. However little is known about the relative influence of different referee communication styles and practices on players, nor differences because of cultures. Until now referees still rely on even changing curricula for the development of effective communication strategies (Mellick et al. 2005) which can be used in football matches. This article presents the conceptual framework for an international study of players' reactions to different referee communication displays. The purpose is to gauge public acceptance of opinions regarding football and findings of previous studies pertaining to referee communication and ways people perceive fairness. This study was based on the belief that it is important to understand circumstances, which influence perception of fairness in society. Studies have shown that when people perceive fairness in decisions they tend to behave more pro-socially and cooperatively (van den Bos et al. 2005). More importantly, perceptions of fairness are not just based on the decision, but that fairness is also separately influenced by the decision-making process and the way people are treated by the decision-maker (Lind 2001). Based on Leung (2005), Hall and Reed-Hall (1990) and Hofstede (1980) this study predicts that national culture will influence footballers responses to referee communication displays. The article concludes with a discussion on quasi-experimental vignette method used to examine the effect that referee's anger, explanation and age have on players' perceptions of fairness in three countries characterised by distinct cultures – Australia, Malaysia and Spain.*

*Keywords: Referee, justice, culture, communication, vignette method.*

## PENDAHULUAN

Sukan bola sepak merupakan sukan berpasukan yang semakin meningkat popular di seluruh dunia, khususnya di negara-negara Asia dan Afrika Selatan. Sungguhpun liga bola sepak di negara-negara Asia tidak sepopular di Eropah terutamanya 'English Premier League' (EPL - United Kingdom), 'Ligue 1' (Perancis), 'Serie A' (Itali), 'Bundesliga 1' (Jerman), 'Eredivisie' (Belanda), dan 'La Liga' (Sepanyol), liga-liga di negara Asia kini juga kian meningkat seperti 'J-League' (Jepun), 'K-League' (Korea Selatan), dan 'A-League' (Australia). Perkembangan sukan ini di rantau Asia adalah berhubung rapat dengan mutu pengadilan bola sepak. Hal ini bermakna bukan sahaja pemain-pemain yang menjadi perhatian, tetapi pengadil juga tidak terkecuali. Menyentuh tentang pengadil, Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa ('*International Football Associations*' - FIFA) mensasarkan peraturan-peraturan ... 'ditafsir dan dilaksanakan dengan konsisten di mana-mana sahaja sukan bola sepak dimainkan.' (FIFA 2008). Para pengadil diharapkan mampu mempamerkan prestasi persembahan yang tinggi tanpa mengira umur dan taraf pertandingan yang diadili mereka (Cuskelly 2006: 111). Walau bagaimanapun, sehingga kini bilangan kajian rasmi tentang implikasi perbezaan budaya dan atribut nasional terhadap mutu pengadilan bola sepak masih kurang meskipun penemuan-penemuan kajian tersebut dipercayai mampu membantu perencanan latihan pengadil dan mengurangan insiden yang tidak sihat sewaktu perlawanan.

Dalam mana-mana perlawanan bola sepak, sebarang keputusan daripada pengadil tidak seharusnya menyebelahi mana-mana pasukan yang berentap. Sekiranya pengadil bersikap pilih kasih, ia bukan sahaja akan menyebabkan pemain utama dalam padang menjadi berang dan cenderung bertindak agresif, tetapi aktor-aktor di luar padang seperti jurulatih, staf-staf jurulatih (ahli fisioterapi, pegawai perubatan, dsb.), pengurus pasukan, apatah lagi para penyokong yang membeli tiket untuk menyaksikan perlawanan tersebut akan berasa kecewa. Konflik memang sukar dielakkan dalam mana-mana perlawanan kerana masing-masing mensasarkan kemenangan dan tekanan yang dihasilkan ini menyebabkan pemain cenderung berasa mereka dilayan dengan tidak adil meskipun ada kalanya pemain sendiri menyedari mereka telah melakukan kesalahan. Pemain berpendapat kesalahan mereka tidak harus dihukum dengan kad merah kerana insiden pergaduhan dicituskan oleh pihak lawan dan mereka juga harus diberikan amaran. Dalam mana-mana situasi tersebut, dipercayai komunikasi pengadil bertanggungjawab terhadap sebarang isu dan krisis yang menyusuli. Makalah ini bukan bertujuan untuk membincang jenis-jenis kesalahan pemain. Fokusnya

adalah menyediakan suatu kerangka teoritikal bagi menguji kesan komunikasi pengadil ke atas maklum balas pemain, iaitu erti kepentingan peranan komunikasi yang digunakan oleh pengadil untuk mengawal sesuatu perlawanan.

Beberapa kajian di Australia (ASC 2004) dan kajian oleh Wolfson dan Neave (2007) di beberapa buah negara lain mendedahkan faktor seperti ketidakmatangan pengadil telah menimbulkan pelbagai krisis di padang sewaktu perlawanan berlangsung seperti pemain bertindak agresif, pergaduhan sesama pemain dan pemain mencabar pengadil. Implikasi peristiwa di dalam padang yang menyebabkan kekecohan di luar padang adalah cukup besar. Hal ini dibuktikan melalui kes-kes 'hooliganism' bola sepak seperti tindakan agresif membakar harta benda awam, penyokong kelab kena tikam dan fanatisisme penyokong melakukan rusuhan di jalan raya kerana penyokong bertekad menegakkan keadilan untuk pasukan yang mereka sokong. Justeru, perbincangan makalah ini memperlihatkan kepentingan komunikasi pengadil untuk mengawal keadaan di dalam padang. Satu hujah penting dikembangkan, iaitu cara pengadil berkomunikasi memainkan peranan penting ketika mengendalikan sesuatu perlawanan. Yang lebih penting, kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pengadil ini boleh dilatih.

Sungguhpun seseorang pengadil berusaha sedaya-upaya untuk bertindak adil, neutral dan konsisten dalam melaksanakan tanggungjawab profesionalisme mereka, realiti sebenar menunjukkan bahawa tidak mungkin seseorang pengadil dapat mengadili perlawanan dengan cara yang sama kerana rentak dan suasana setiap perlawanan sentiasa berbeza. Maka, keterampilan relasional merupakan kemahiran yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan kualiti hubungan dan komunikasi yang menyumbang kepada kewujudan atau pembentukan hubungan. Setiap pengadil juga mempunyai gaya dan identiti perwatakan tersendiri sewaktu mengendalikan perlawanan seperti Pierluigi Colina (Itali), Mike Dean (England) dan Anders Frisk (Sweden). Sama ada sedar atau tidak, pengadil yang pernah menempah namanya di persada antarabangsa bola sepak mahupun terpaksa bersara disebabkan kontroversi merupakan subjek yang menjadi perhatian dalam sesuatu perlawanan. Masing-masing mengembangkan gaya dan pendekatan yang tersendiri mengikut keperibadian, pengalaman dan reputasi mereka (Mellick et al. 2005). Keadaan ini berdasarkan hasil beberapa kajian lalu yang mendedahkan keputusan pengadil yang antaranya adalah dipengaruhi oleh bunyi bising daripada penonton dalam stadium (Balmer, et al. 2007), konteks permainan tersebut (Mascarenhas et al. *tidak diterbitkan*), dan psikologi pengadil yang berkait rapat dengan pengalaman (Boyko et.al 2007), dan juga bias pengadil yang adakalanya meletakkan pasukan tertentu dalam keadaan kesukaan (favourite) dan

tertekan (*underdog*) (Bar-Eli et al. 2006: 1087) ataupun menyebelahi pasukan daripada kelompok yang mempunyai persamaan (Mohr & Larsen 1998). Keadaan fizikal padang bola berkenaan sama ada dinamik atau buruk (terutamanya lembut, kasar, berumput, becak dan sebagainya) turut mempengaruhi corak serta rentak permainan dan ini semestinya memerlukan pengalaman dan kemahiran tinggi daripada pengadil untuk mengawal situasi dan menenangkan pemain-pemain.

Makalah ini bertujuan menjelaskan kepada masyarakat umum tentang pentingnya interaksi di antara pengadil dengan pemain, dan pengaruh komunikasi yang digunakan pengadil ke atas persepsi pemain tentang keadilan. Andaian asas yang diambil ialah kefahaman yang lebih mendalam tentang kesan dan keberkesanan kemahiran dan sikap tertentu pengadil dapat membantu pembangunan program-program latihan yang dapat meningkatkan keupayaan memperoleh dan menguasai sesetengah teknik kemahiran komunikasi dan sikap yang biasanya diperlukan oleh pengadil melalui pengalaman. Kefahaman ini jika berjaya diterap dan dipupuk dalam kalangan anggota masyarakat dipercayai akan mampu menarik lebih ramai orang meminati sukan bola sepak dan sekaligus mengangkat martabat sukan lasak tersebut. Apa yang lebih penting sebenarnya adalah penemuan kajian ini yang dilihat berperanan besar dalam membantu melatih meningkatkan kemahiran pengadil di masa depan dan mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan pengadil tentang kesan komunikasi mereka kepada kefahaman mengenai keadilan interaksi dan silang budaya.

Perbincangan ini adalah berdasarkan satu kajian yang dijalankan. Satu set soal selidik dikonstruksi yang terdiri daripada lapan senario yang berbeza sebagai instrumen kajian ini. Setiap set soal selidik mengandungi dua fasa. Pertama, menguji reaksi pemain bola sepak terhadap kelakuan komunikasi pengadil berdasarkan lapan senario yang diberikan. Ini bagi menguji kesan kemarahan dan kejelasan penjelasan pengadil berkaitan persepsi pemain terhadap keadilan. Dalam fasa kedua, kajian dijalankan di tiga buah negara yang mempunyai budaya dan kualiti sukan bola sepak yang berbeza, iaitu Australia di mana sukan bola sepaknya semakin maju dan kini menduduki tangga ke-16 dan berjaya sekali lagi ke Piala Dunia 2010 di Afrika Selatan, Malaysia yang mempunyai sukan bola sepak yang semakin merosot dan kini menduduki tangga ke-152 dalam senarai FIFA dan Sepanyol, negara yang baru menjuarai Piala Euro 2008 dan kini mengungguli tangga ke-2 dalam senarai FIFA untuk melihat pengaruh budaya nasional terhadap perwatakan pemain berkaitan erti keadilan.

Makalah ini dimulai dengan sorotan literatur berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan

komunikasi yang digunakan oleh pengadil bola sepak termasuklah literatur daripada psikologi sosial tentang keadilan dan komunikasi budaya. Literatur ini bertujuan membantu menjelaskan hasil kajian lepas, dan yang paling penting menyediakan satu kerangka konseptual kajian. Kajian ini turut menjelaskan dan menilai kaedah 'quasi-experimental' yang merekodkan reaksi pemain-pemain terhadap vignette adegan perlawanan yang disampaikan secara dalam talian.

## KAJIAN SUKAN BOLA SEPAK

Kajian mengenai sukan bola sepak setakat ini memfokus kepada pelbagai peristiwa dan aspek-aspek teknikal yang berlaku dalam sesuatu perlawanan. Sebagai sukan yang paling popular dan diminati di seluruh dunia, bola sepak juga merupakan sukan yang memperlihatkan jumlah kesalahan yang paling banyak sewaktu perlawanan dan peristiwa dalam padang selalunya berlarutan hingga ke luar padang. Fokus kajian dan perbincangan berkaitan bola sepak sehingga kini masih menjurus kepada bentuk-bentuk kesalahan khususnya terjahan (*tackle*), *offside*, bola terkena tangan (*hand ball*), menghalang pemain (*blocking*), sepakan percuma (*free kick*), sepakan sudut (*corner kick*), sepakan gol (*goal kick*), sepakan penalti (*penalty kick*) dan sebagainya. Setiap insiden tersebut boleh dimulai dengan tiupan wisel oleh pengadil dengan disusuli tindakan seperti memberi amaran, melayangkan kad kuning ataupun kad merah. Pengkaji memberi penekanan kepada komunikasi 'verbal' dan 'non-verbal' yang digunakan oleh pengadil dalam mana-mana situasi dalam perlawanan. In kerana persepsi pemain terhadap sesuatu keputusan pengadil merupakan penentu utama tahap penerimaan pemain terhadap keadilan berkaitan sesuatu keputusan. Apabila pengadil bertindak menipu wiselnya, ini bermakna sesuatu telah berlaku yang memerlukan pengadil menghakimi insiden tersebut. Lazimnya, dalam perlawanan bola sepak, mana-mana pemain akan bertanggapan mereka tidak bersalah (paling tidak membela diri), menuduh pengadil tidak nampak kejadian sebenar (gagal melihat gambaran keseluruhan), dan kesalahan dilakukan dengan tidak sengaja meskipun mereka sedar mereka telah melakukan kesalahan ataupun menyalahkan pihak lawan sebagai penyebab berlaku kekasaran. Justeru, apa-apa keputusan pengadil berkecenderungan tinggi untuk mengakibatkan konflik, terutamanya berkaitan perasaan tidak puas hati pemain yang banyak ditentukan oleh persepsi mereka terhadap keadilan pengadil. Persepsi ini pula adalah berdasarkan penilaian pemain terhadap apa yang dikomunikasikan oleh pengadil kepada mereka. Pemain cenderung berkerjasama dengan pengadil jika mereka melihat keputusan tersebut adil dan bertindak agresif

(terutamanya sewaktu membantah atau cuba menjelaskan mereka tidak bersalah) jika mereka bertanggung sesuatu keputusan tersebut tidak adil.

#### KOMUNIKASI PENGADIL, KEPUTUSAN, DAN 'KURIKULUM TERPENDAM'

Lazimnya dalam perlawanan bola sepak, apa-apa keputusan daripada pengadil akan menyenangkan sebuah pasukan dan mengecewakan pasukan yang satu lagi dalam perlawanan. Setiap keputusan pengadil akan menyebabkan kekecewaan kepada sesetengah pemain dan penonton. Pengadil bola sepak mempunyai ... 'autoriti penuh untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan dalam perlawanan... ' (FIFA 2007: 23) dan terpaksa membuat keputusan dalam setiap perlawanan, sama ada untuk menghentikan perlawanan atau tidak (apabila berlaku hujan lebat atau pergaduhan tercetus), menentukan pemain atau pasukan mana yang melanggar peraturan, hukuman apa yang harus dijatuhkan (seperti melayangkan kad kuning atau kad merah, memberi amaran kepada pemain dan mengingatkan mereka supaya peka dengan profesionalisme permainan), menghentikan perlawanan untuk membolehkan pemain yang tercedera mendapat rawatan, berapa jumlah masa tambahan yang perlu diberikan selepas minit ke-45 dan minit ke-90, mahupun bermain semula. Perkara-perkara yang memerlukan pengadilan (penilaian – keputusan pertimbangan) mereka boleh berlaku bila-bila masa dengan cepat dalam sesuatu perlawanan, secara serentak di dalam atau di luar pandangan permainan (selalunya pengurus mengganggu perlawanan atau penonton membaling objek ke arah pemain dalam padang dan sebagainya), dan setiap keputusan lazimnya diiringi atau disusuli dengan tekanan 'maklum balas negatif yang pelbagai' daripada pemain yang diadili pengadil, jurulatih pasukan bertanding dan penyokong kelab (Wolfson & Neave 2007: 232).

Pengadil perlawanan memperoleh kerjasama daripada pembantu-pembantu pengadil (penjaga garisan di tepi padang) sewaktu bertugas, tetapi apabila membuat keputusan, mereka bergantung kepada penilaian dan keberanian diri sendiri. Berkaitan hal teknologi ulang tayang video masih belum digunapakai walaupun telah disuarakan begitu lama. Pengadil dalam padang yang memegang wisel mempunyai peranan paling besar bagi menentukan kelancaran perlawanan (Mellick et al. 2005). Semua insiden adalah unik dan berlaku sekelip mata. Sama ada dari dalam atau luar padang mereka yang menyaksikan insiden itu mempunyai pelbagai sudut pandangan dan semua percanggahan pendapat dan ketidakpastian itu memerlukan pengadil bertindak agar keadilan diperolehi oleh pemain dan penonton, supaya perlawanan dapat diteruskan.

Kajian oleh Bar-Eli et al. (1995: 77) telah mengumpul persepsi 80 orang pemain bola sepak profesional (elit) terhadap kelakuan pengadil semasa perlawanan dan mendedahkan satu penemuan penting, iaitu keputusan pengadil boleh mempunyai kecenderungan tinggi menyinggung perasaan dan mempengaruhi kelakuan pemain. Beliau mendapati cara pengadil memanggil pemain mempunyai pengaruh besar terhadap psikologi atlet (pemain bola sepak), dan juga 'perkataan atau tindakan yang tidak perlu' boleh memburukkan lagi prestasi permainan yang negatif. Paling penting di sini ialah jika pengadil mempunyai kesedaran yang lebih tinggi tentang kesan komunikasi mereka ke atas prestasi pemain, dan memiliki kemahiran komunikasi yang lebih baik, konflik di antara pengadil dengan pemain berkemungkinan besar dapat dihindari. Pengurangan konflik di antara pengadil dengan pemain di atas padang bola sewaktu sesuatu perlawanan bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan kepada diri pengadil tetapi sekaligus memperbaiki kualiti pertandingan sukan (Bar-Eli et al. 1995).

Walaupun sebahagian besar pengadil mempunyai pendapat tersendiri tentang pendekatan (cara) terbaik untuk mengkomunikasikan keputusan, sehingga kini masih sedikit sahaja bukti konkrit yang ada tentang hasil latihan kemahiran komunikasi pengadil (Mellick et al. 2005). Diskusi sesama pengadil bola sepak banyak, tetapi lebih menjurus kepada teknik-teknik yang lebih berkesan. Sebagai contohnya, pada masa ini di 'chat room' pengadil bola sepak 'online' yang terbesar di Australia (<http://refsroom.ausref.com/index.php>), salah satu topik yang hangat diperdebatkan adalah tentang taktik-taktik paling efektif melayangkan kad kuning (<http://refsroom.ausref.com/viewtopic.php?f=3&t=2420&hilit=bolt+of+lightning>) kepada pemain. Semua pendapat yang diposkan di dalam talian adalah daripada pengadil-pengadil yang mempunyai latar belakang dan tahap profesionalisme yang berbeza-beza. Masing-masing mendedahkan taktik-taktik komunikasi individu yang pula memperlihatkan perbezaan (kelainan) gaya dan kepercayaan terhadap komunikasi serta perbezaan dalam fokus strategik.

Antara kata-kata pengadil yang dipetik daripada 'chat room' tersebut adalah seperti berikut:

1. Apabila kad perlu diberikan, ia keluar daripada poket saya seperti satu pancaran kilat. Ia akan berada di udara untuk kira-kira 2 hingga 3 saat... Kemudian, sekiranya terdapat sesuatu yang perlu dikatakan, saya akan katakannya.
2. Saya cenderung untuk mengubah gerakan tangan saya berdasarkan pada keseriusan kad tersebut. Ya. Ya. Saya tahu kuning adalah kuning, tetapi sekiranya ia adalah ringan (seperti membuka baju semasa

- meraihkan jaringan gol), ia hanyalah sekadar angkatan tangan bersahaja, tetapi sekiranya mereka hampir menjadikan pemain lain lumpuh, ia akan menjadi satu angkatan tangan yang kuat.
3. Saya rasa anda tidak boleh memberi kad kuning melainkan anda mempunyai sebab yang sangat kukuh untuk memberikan kad. Sesetengah pengadil memberikan kad seolah-olah kad itu ialah konfeti – cebisan kecil kertas berwarna-warni yang ditaburkan semasa perayaan tahun baru, dan ia boleh mengecewakan pemain-pemain apabila mereka tidak tahu sebab mereka dikenakan kad. Dengan memperkatakan kepada pemain “anda diberi amaran untuk ini”, anda menjelaskan anda tahu tentang peraturan permainan dan tindakan dia (pemain) itu adalah tidak boleh diterima, dan juga semua pemain diberi amaran sekiranya ia berlaku lagi, mereka akan menerima denda yang sama!
  4. Satu baris mudah semasa melayankan kad adalah mencukupi, ia memberikan kefahaman dan keterbukaan sepenuhnya... percayailah saya sekiranya seorang pemain tidak puas hati dengan anda dan menanya anda soalan, pengadil-pengadil yang tidak menjawab atau langsung tidak mempedulikan pemain-pemain selalunya menghadapi kesusahan untuk mengawal permainan... komunikasi adalah satu perkara yang begitu besar dalam sebarang sukan dan ia adalah sangat penting, sebagai pengadil, kami membuka pintu komunikasi dan jangan hanya “memilih-milih” apabila kami berkomunikasi dengan pemain dengan lidah sendiri! Dengan melakukan ini, ia melambatkan perlawanan dan memandu ketegangan keluar dari situasi tersebut.
  5. Secara peribadi, lebih sedikit anda bercakap, lebih baik bagi pendapat saya. Mereka telah melakukan satu kesalahan yang wajar untuk mendapat kad kuning, maka mereka tahu apa yang telah dilakukan oleh mereka. Sebarang perkara yang anda perkatakan akan mengapi-apikan mereka, terutamanya jika anda dapat mengatakan perkara yang salah. Saya menunjukkan kad semasa saya berjalan masuk ke padang dari tempat saya berada (berlari ke arah pemain berkaitan dengan jarak 4 hingga 5 meter). Teknik mudah. (Ausref 2007).

Kesemua petikan kata-kata pengadil ini menekankan aspek komunikasi ‘verbal’ mahupun ‘non-verbal’. Pengadil yang pertama menekankan gerakan *non-verbal* sebagai tanda ketegasan dan autoriti pengadil dalam situasi tersebut. Pengadil kedua juga menekankan gerakan ‘non-verbal’ tetapi fokus pada tindakan mengkomunikasikan keseriusan kesalahan secara seimbang. Pengadil ketiga menekankan kepentingan komunikasi ‘verbal’ untuk membela keputusan

tersebut dan bertujuan memberi amaran (contoh) kepada yang lain. Pengadil keempat dan kelima memfokus kepada persepsi dan reaksi pemain terhadap komunikasi ‘verbal’ pengadil, tetapi mereka mempunyai pandangan yang bercanggahan tentang keberkesanan ‘bercakap’. Seorang lagi pengadil berpendapat percakapan daripada pengadil hanya akan mencetuskan ketegangan dalam permainan, manakala seorang lagi berpendapat pengadil sepatutnya elak daripada bercakap kerana perbuatan itu mungkin akan menyinggung perasaan pemain.

Pendekatan yang berbeza tersebut menggambarkan betapa kompleksnya interaksi antara manusia, faktor-faktor mengikut konteks, dan perbezaan individu dalam personaliti dan kepercayaan pengadil. Mereka juga menggambarkan apa yang (Mellick et al. 2005: 45) digelar sebagai pembolehubah ‘kurikulum terpendam’ dan pengadil-pengadil bergantung kepadanya untuk mengembangkan kemahiran komunikasi. Kurikulum terpendam tersebut adalah berdasarkan pengalaman individu di dalam dan di luar bola sepak, dan nasihat daripada penilai-penilai pengadil, rakan-rakan sekerja, dan mentor (Mellick et al. 2005) yang bukan semuanya pakar. Terdapat satu tanggapan umum dalam bola sepak yang menyatakan pembelajaran pengadil yang paling penting berlaku melalui latihan atau ‘pengalaman’ sebagai pengadil. Sebagai contoh kajian bola sepak oleh Simmons (2007) sering membincangkan tentang kualiti pengadilan yang seolah-olah merupakan petunjuk kepada tahap pengalaman pengadil. Pengadil muda kerap dianggap sebagai tidak berpengalaman, dan akibatnya mereka dilihat kurang cekap, tidak boleh diharap, dan kurang adil (Simmons 2007). Kajian terkini mengenai pembangunan dan latihan pengadil peringkat elit mendapati kemahiran yang diperlukan untuk mengaplikasikan (melaksanakan) peraturan-peraturan permainan kebanyakannya diperolehi ... ‘dengan mengadili perlawanan, berbanding hanya melalui latihan ‘perceptual-cognitive’ dengan maklum balas...’ (MacMahon, Helsen, Starkes & Weston 2007: 77). Pada peringkat yang lebih rendah dalam sukan tersebut di mana terdapatnya kurang peluang untuk memberi maklum balas, latihan formal dan pengalaman dipercayai memainkan peranan yang lebih besar kepada kemajuan profesion pengadil.

Begitupun, sesetengah daripada apa yang berlaku atas padang adalah di luar pengaruh pembujukan pengadil. Sebagai contoh, tidak ada sebarang kemahiran komunikasi yang mampu memberi kesan ke atas sesetengah pemain yang panas baran, pendendam (bermusuhan), agresif dan sukar mengawal diri. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah tingkah laku pengadil yang berkemungkinan mencetuskan kemarahan pemain tanpa disengajakan, dan tingkah laku lain yang membantu meredakan keadaan ataupun membantu melahirkan persepsi tentang keadilan.

Sebarang usaha yang mampu membantu meningkatkan kesedaran pengadil terhadap ketegangan antara pemain dengan pemain dan antara pemain dengan pengadil akan menguntungkan semua pihak yang terlibat dalam bola sepak.

#### KAJIAN KOMUNIKASI PENGADIL BOLA SEPAK

Mascarenhas, Collins & Mortimer (2005) pernah membuat ulasan empirikal berhubung pengadilan dan pengendalian persembahan. Mereka menemui 58 buah artikel yang diterbitkan di antara tahun 1985 hingga 2003 dan hasilnya mereka gagal menemui ... 'kajian empirikal yang spesifik menguji kemahiran komunikasi dalam kalangan pegawai sukan...' (Mascarenhas et al. 2005: 370). Kekurangan data empirikal tersebut sedikit sebanyak membantu menjelaskan mengapa sehingga kini masih kurang latihan komunikasi dalam kurikulum rasmi (Mellick et al. 2005) dan kekurangan berdasarkan bukti tugasan latihan untuk pembangunan kemahiran interpersonal pengadil (Mascarenhas et al. 2005). Satu kajian dalam kalangan pengadil bola sepak profesional (tahap elit) mendedahkan kepelbagaian permintaan dalam mutu pengadilan bola sepak sukar dilakukan dengan tepat sebagaimana mengikut persekitaran sewaktu latihan, dan para pengadil bertanggung aspek amali bagi mengadili perlawanan liga adalah bentuk latihan yang terbaik bagi memperolehi dan mengembangkan kemahiran. Analisis hasil kajian mereka turut mendapati bahawa dengan berpandukan latihan yang dirancang secara teliti dan adanya maklum balas daripada pakar, kepakaran seseorang pengadil hanya boleh mencapai tahap kematangannya dalam masa kira-kira 10 tahun. Sebaliknya, kajian Macmahon et al. (2005: 77) mendedahkan bahawa pengadil memerlukan purata masa 16 tahun untuk mencapai tahap elit dalam sukan bola sepak, dan mereka berpendapat kemajuan yang secara relatifnya lambat ini adalah disebabkan oleh 'kekurangan maklum balas daripada latihan.'

Baru-baru ini terdapat dua kajian mengenai amalan komunikasi pengadil-pengadil di peringkat elit, dengan satunya memfokus kepada strategi untuk menguruskan penyalahgunaan dan keagresifan (Simmons 2006), dan satu lagi berkait dengan teknik komunikasi pengadil dan penerimaan keputusan oleh pemain (Mellick et al. 2005). Kajian Simmons ke atas pengadil liga profesional mendapati penggunaan repertoir secara ekstensif dari teknik-teknik 'verbal' dan 'non-verbal' untuk 'menjual' keputusan dan 'meminimumkan gangguan terhadap permainan' (Simmons 2006: 4). Hasil daripada penilaian laporan pengadil sendiri tentang komunikasi masing-masing, Simmons menekankan pentingnya menunjukkan ketenangan dan keyakinan diri, dan tidak nampak angkuh dan agresif, sebagai salah satu strategi penting untuk

mengelak dan mengendalikan keagresifan dan kesalahan (seperti maki hamun menggunakan bahasa kesat dan menyumpah) oleh pemain. Beliau mendapati pengadil-pengadil elit menggunakan teknik repertoir ekstensif untuk mempengaruhi pemain-pemain dan suasana permainan. Beliau turut mencadangkan bahawa kebolehan pengadil menyesuaikan teknik dan gaya komunikasi terhadap pemain selain mengambil kira konteks yang berbeza merupakan satu kemahiran yang penting (Simmons 2006).

Mellick et al. (2005) pula menyarankan amalan terbaik komunikasi untuk sukan ragbi dan bola sepak profesional melibatkan tujuh aksi interpersonal, iaitu meniup wisel, renungan, isyarat tangan, penjelasan verbal, kawalan, ketenangan, dan pengurusan masa. Mereka menekankan tiga ciri kemahiran mengkomunikasikan keputusan; ... 'untuk menarik perhatian pesalah dan memulakan satu adegan interaksi keputusan; untuk menunjukkan keyakinan dalam keputusan yang telah dibuat; dan akhirnya mempromosikan suatu persepsi keputusan sebagai keputusan yang adil dan saksama...' (Mellick et al. 2005: 42).

Kajian yang masih terbatas berhubung prestasi pengadil, apatah lagi fokus kepada komunikasi oleh pengadil, secara umumnya telah memaksa semua untuk bergantung kepada perspektif pengadil-pengadil dan pakar-pakar pengadil sebagai sumber utama data mereka. Input daripada pemain yang dilihat mempunyai sumbangan penting kepada peningkatan mutu pengadilan sukan bola sepak selama sukan tersebut diperkenalkan masih gagal diselami. Mengambil kira sifat interaktif semula jadi (iaitu komunikasi dua hala) dalam sebarang proses komunikasi, persepsi daripada pemain harus diambil kira untuk mengembangkan kefahaman terhadap tingkah laku pengadil (Bar-Eli et al. 1995).

Simmons (2007) merupakan satu-satunya sarjana yang memulakan kajian mengenai sikap dan persepsi pemain terhadap komunikasi pengadil bola sepak. Kajian itu mengemukakan perbincangan dengan pemain tentang pengadil-pengadil bola sepak dan menggunakan teori keadilan untuk mentafsirkan tema yang baru berkembang. Kajian beliau mengenal pasti tiga 'meta-characteristics' yang saling berkaitan dengan diri pengadil yang mempengaruhi persepsi pemain tentang keadilan. Para pemain melihat keadilan apabila mereka percaya pengadil "mahir" untuk menilai dan membuat keputusan, 'boleh diharap' di bawah pelbagai tekanan perlawanan, dan 'menghormati' serta 'bertanggungjawab' terhadap pemain. Kajian beliau mendapati pemain sangat sensitif terhadap ketiga-tiga kualiti tersebut, dan sesetengah pemaparan aksi 'verbal' dan 'non-verbal' (seperti pakaian, kemarahan, penjelasan, pendengaran, dan usia pengadil) boleh membawa pengaruh yang kuat kepada persepsi pemain terhadap keadilan pengadil (Simmons 2007).

## KOMUNIKASI DAN KEADILAN

Para pengkaji telah mencadangkan proses penilaian keadilan, yang kerap dikaji dalam organisasi (komunikasi keorganisasian), mempunyai implikasi dalam konteks hubungan manusia yang lain (Lind 2001), termasuk kelas-kelas pembelajaran (Buttner 2004) dan pasukan-pasukan sukan (Jordan et al. 2004). Simmons (2007) melaporkan persepsi pemain bola sepak terhadap kecekapan, boleh diharap, dan sikap menghormati pengadil berkemungkinan besar mempengaruhi reaksi pemain terhadap keputusan pengadil, dan sesetengah pemaparan (ciri-ciri) yang boleh nampak daripada pengadil seperti kemarahan dan usia pengadil yang terlalu muda berkemungkinan besar mempengaruhi reaksi pemain.

Bahagian ini mengulas fahaman terhadap tatacara keadilan, keadilan interaksi, teori keadilan, dan heuristik keadilan yang memberikan huraian yang berbeza-beza tentang cara seseorang melihat keadilan. Hal ini adalah penting untuk memahami cara seseorang melihat keadilan dan pengaruh pembuat keputusan (decision-maker) terhadap persepsi-persepsi tersebut, kerana persepsi terhadap keadilan mempengaruhi sikap dan tingkah laku. Kajian dalam komunikasi keorganisasian dan konteks sosial yang lain telah menunjukkan bahawa apabila seseorang merasakan wujudnya keadilan dalam keputusan, mereka cenderung untuk berkelakuan secara lebih pro-sosial dan memberikan lebih kerjasama (van den Bos et al. 2005).

Justeru, memahami persepsi tentang ketidakadilan berkemungkinan adalah lebih penting daripada memahami kelakuan adil itu sendiri kerana peristiwa-peristiwa tidak adil mempengaruhi '... kognisi dan reaksi lebih kuat daripada peristiwa-peristiwa adil...' (van den Bos 2005: 280). Persepsi terhadap ketidakadilan telah dikaitkan dengan berbagai-bagai kognisi anti-sosial dan tingkah laku di tempat kerja (Lind 2001), dan persengketaan, keagresifan secara tidak langsung, dan devian (tentangan terhadap permintaan pengajar) dalam kalangan pelajar kolej (Chory-Assad & Paulsel 2004). Van den Bos (2005) mengesyorkan 'adil' boleh jadi apa-apa yang diharapkan, manakala ketidakadilan sebagai mencabuli pengharapan tersebut, dan oleh itu menjurus kepada reaksi yang besar. Veermunt dan Steensma (2005) mengatakan bahawa terdapat alasan yang kukuh untuk menyatakan ketidakadilan meningkatkan tekanan dan keadilan mengurangkan tekanan dalam konteks kerja. Kajian Bar Eli (1995) pula mencadangkan fenomena yang serupa berlaku dalam bidang sukan yang melibatkan tanggungjawab terhadap emosi.

Ada logik dan rasionalnya kajian ini memfokus kepada komunikasi pengadil dalam mana-mana pemaparan aksi yang menjurus kepada penerimaan pemain terhadap

persepsi ketidakadilan. Simmons (2007) mendapati pemain-pemain adalah sangat sensitif terhadap pelbagai pemaparan aksi pengadil. Kemarahan, usia yang muda, dan sikap tidak mengendahkan soalan pemain semuanya dianggap pemaparan yang tidak cekap, tidak boleh diharap, dan tidak menghormati pemain, dan oleh itu pemaparan aksi boleh menunjukkan ketidakadilan. Kajian ini menguji reaksi pemain terhadap kemarahan pengadil, usia pengadil yang muda, dan kelakuan pengadil yang tidak mempedulikan soalan pemain.

Persepsi terhadap keadilan dalam membuat keputusan merupakan konsep asas dalam pengadilan sukan. Menurut Pawlenka (2005), ketelitian perhatian yang diberikan oleh sukan kompetitif kepada pembinaan peluang yang sama rata dan kesaksamaan telah menghasilkan satu model 'kehidupan sebenar' yang jarang terdapat di luar sukan kompetitif. Beliau menerangkan persepsi seharian kita tentang apa yang dianggap sebagai 'adil' diperoleh dengan 'sejenis layanan saksama yang dituntut oleh logik sukan kompetitif dan pengadil sebagai satu institusi yang cuba untuk menjamin...' (Pawlenka 2005: 56). Walau bagaimanapun, persepsi terhadap keadilan dipengaruhi oleh faktor-faktor selain daripada 'layanan saksama' hasil daripada keputusan.

Kajian psikologi sosial tentang keadilan selama dua dekad lalu telah menunjukkan persepsi terhadap keadilan bukan sahaja berpandukan keputusan dan kesamarataan, sebaliknya keadilan secara berasingan turut dipengaruhi oleh bagaimana seseorang dilayan oleh pembuat keputusan, dan proses pelaksanaannya (Lind 2001). 'Kesan proses adil' dikenali sebagai '... salah satu penemuan yang paling teguh dalam psikologi sosial dan organisasi...' (Collie, Bradley & Sparks 2002: 454). Hal ini mendedahkan bahawa pemain akan memberi reaksi secara lebih positif jika mereka berasa dilayan dengan adil, dan beraksi (memberi reaksi) secara negatif apabila mereka berasa dilayan secara tidak adil (van den Bos et al. 2005). Di sini 'layanan' merujuk kepada aspek-aspek formal prosedur seperti kepatuhan kepada peraturan dan norma-norma kelakuan yang sedia ada, dan juga gaya serta tingkah laku pembuat keputusan.

Sekiranya kesan proses adil diguna pakai dalam sukan bola sepak, para pemain akan lebih bersedia menerima keputusan pengadil yang berlawanan dengan kepentingan pasukan mereka sekiranya mereka berasa mereka dilayan dengan adil. Dua hasil kajian yang konsisten dalam kajian keadilan prosedur adalah membenarkan orang menyuarakan pendapat tentang sesuatu keputusan untuk memperbaiki penilaian mereka tentang keadilan dalam prosedur (kesan suara); dan, pelanggaran atau pemesongan daripada prosedur yang dijangkakan akan mengurangkan keadilan yang dilihat (van den Bos, Veermunt & Wilke 1996). Kajian Simmons (2007) ke atas pemain Australia

sering mendapati mereka lebih suka pengadil yang mendengar kata-kata mereka, dan menjawab soalan pemain dengan alasan yang munasabah, walaupun mereka tidak mengharapkan atau menjangkakan pengadil menukar keputusannya. Pemain melaporkan perasaan marah terhadap pengadil yang tidak mengendahkan soalan-soalan mereka atau bersikap dingin terhadap mereka. Hasil kajian tersebut juga konsisten dengan penjelasan 'non-instrumental' kesan suara, yang mencadangkan persepsi terhadap keadilan boleh diperbaiki. Meskipun suara tidak membawa sebarang kesan kepada keputusan, kerana pembuat keputusan dianggap memberikan respon (maklum balas) secara interpersonal, atau '... peluang untuk menyuarakan pendapat mengesahkan status pembantah dengan pembuat keputusan...' (Shapiro & Brett 2005:162), namun hasilnya pemain sedia memberikan kerjasama. Sukan bola sepak secara berterusan berhadapan dengan masalah pemain yang bertentangan pendapat dengan keputusan pengadil (tidak kira tahap profesionalisme). Bagi mereka yang berada di dalam dan di luar sukan tersebut, pengadil sering dilihat sebagai bertoleransi dengan bantahan pemain-pemain sehingga pada tahap yang tidak boleh bertolak ansur. Simmons (2007) melaporkan pengadil profesional yang berpengalaman luas sengaja bertoleransi dengan bantahan pemain pada tahap tertentu. Menurut beliau (Simmons 2006: 11).

Anda perlu membenarkan mereka meluahkan kata-kata mereka, asalkan mereka tidak melampaui batas dan menolak kamu atau menyumpah kamu atau sebarang kelakuan yang menyerupainya. Tetapi sekiranya mereka menjadi agresif, anda perlu membenarkan mereka bercakap, bukan berdiri di sana dan bertengkar dengan mereka. Sebaik kemarahan mereka reda – biasanya cetusan emosi itu hanya bertahan selama kira-kira 5 saat, sekiranya – kemudian selesailah masalah anda itu. Sama ada dalam cara (gaya) yang tenang atau melalui ekspresi air muka anda. Saya mendapati ia amat berkesan.

Keadilan interaksi dihuraikan sebagai 'aspek-aspek konteks yang melibatkan layanan individu-individu semasa sesuatu interaksi,' seperti kesopanan dan penghormatan (Cole 2002: 545). Bies & Moag (1986) mengemukakan hujah bahawa komunikasi mungkin merupakan sebab seseorang berasa diri mereka dilayan secara tidak adil walaupun akur bahawa proses dan hasilnya adalah adil. Mereka mencadangkan kebenaran, penghormatan, kesesuaian soalan, dan justifikasi sebagai dimensi yang digunakan oleh seseorang untuk menilai keadilan dalam komunikasi. Sitter (2003:15) mendapati keramahan pemimpin, pendekatan relaks, dan gaya menunjukkan minat dan perhatian penuh mempunyai kolerasi positif dengan persepsi keadilan, dan gaya komunikasi dominan mempunyai korelasi yang lemah dan negatif. ... 'Secara jelasnya, kemahiran interpersonal merupakan penyumbang kritikal kepada keadilan interaksi.

Organisasi yang berhasrat memperbaiki persepsi keadilan interaksi dalam kalangan pekerja harus memfokus untuk mempertingkatkan kemahiran komunikasi interpersonal ketua-ketua mereka ...'.

Kajian lalu telah menunjukkan pengurus-pengurus boleh dilatih dalam keadilan interaksi untuk menghasilkan kesan yang positif kepada pekerja-pekerja dan organisasi. Skarlicki & Latham (1997) mendapati pemimpin-pemimpin kesatuan yang telah dilatih mengamalkan prinsip-prinsip keadilan organisasi telah meningkatkan tingkah laku rakyat seperti berkaitan kesediaan membantu dan sukarelawan. Greenberg (2006) yang menggunakan prinsip-prinsip latihan Skarlicki & Latham itu, mendapati jururawat yang mempunyai penyelia yang dilatih ari segi mempromosikan keadilan interaksi kurang menghadapi tekanan berbanding dengan jururawat yang mempunyai penyelia yang tidak terlatih sedemikian. Sekiranya pengadil dilatih dalam teknik-teknik keadilan interaksi, teknik jenis apa yang harus ada dalam kurikulum pengadil? Adakah teknik itu akan berbeza dengan tanggapan umum tentang cara terbaik untuk mengadili sesuatu perlawanan?

Teori keadilan mencadangkan apabila sesuatu hal yang negatif berlaku, mereka yang terlibat dalam pemikiran yang berlawanan dengan kebenaran – maka, satu proses berlau bagi membatalkan sesetengah peristiwa dengan memikirkannya sebaliknya (Colquitt et al. 2005:38). Seseorang atau sesetengah entiti dianggap bertanggungjawab, dan mereka yang terpengaruh membayangkan kemungkinan adanya kesudahan alternatif dan membayangkan cara-cara lain sesuatu peristiwa itu mungkin boleh diselesaikan (McCull-Kennedy & Sparks 2003). Dalam dunia bola sepak, pemain, para jurulatih, dan peminat selalunya mempunyai fikiran yang memihak kepada pasukan kegemaran mereka dan tidak mustahil mereka mempunyai persepsi yang berlawanan dengan kebenaran, terutamanya berkaitan insiden seperti memberi penalti kepada pasukan lawan, menghukum menyingkirkan pemain keluar dari padang, membatalkan gol, dan merasakan pengadil berat sebelah.

Perkembangan akhir-akhir ini dalam memahami cara seseorang melihat dan bertindak balas terhadap keadilan menunjukkan pentingnya satu set heuristik kompleks yang berkaitan dengan pembuat keputusan dan akibatnya. Apabila seseorang berasa bahawa mereka yang berautoriti adalah adil dan sah di sisi undang-undang, beliau lebih berkemungkinan untuk mempercayai keputusan pihak autoriti tersebut adalah adil dan sah di sisi undang-undang ... 'dan kemudiannya membuat keputusan sendiri sama ada keputusan daripada pihak autoriti tersebut patut dipatuhi atau sebaliknya' (Conlon, Meyer & Nowakowski 2005: 307).

Teori heuristik keadilan mengatakan 'individu-individu membina heuristik keadilan berdasarkan beberapa



pertemuan awalan mereka dengan autoriti,' dan penilaian awal ini kemudian berfungsi sebagai surat kuasa untuk percaya kepada situasi-situasi seterusnya (Colquitt, Greenberg & Zapata-Phelan 2005: 44). Lind et al. (2001) telah menemui satu kesan heuristik keutamaan dalam sesetengah keadaan eksperimental. Kesan keutamaan itu mencadangkan bahawa tanggapan awal tentang keadilan adalah paling penting kerana boleh menjurus ke arah tersebut dan mengatasi persepsi terhadap peristiwa serta petunjuk seterusnya. Simmons (2007) mendapati pemain adalah sensitif terhadap pelbagai pemaparan pengadil berdasarkan penampilan pengadil dan tanggapan pertama seperti kekemasan pakaian dan penghiasan diri, usia, suara dan rupa bentuk badan. Pemain-pemain menggunakan pemaparan pengadil ini sebagai syarat untuk menilai tahap profesionalisme dan kecekapan pengadil.

#### KOMUNIKASI, KEADILAN DAN BUDAYA

Persepsi terhadap keadilan mempunyai kesan positif yang merentasi budaya, tetapi faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi terhadap keadilan tidak semestinya boleh digeneralisasikan sebagai silang-budaya (Leung 2005). Leung (2005) mendapati sebilangan kajian yang menunjukkan gaya layanan interpersonal dan proses pelaksanaan keputusan mempengaruhi persepsi keadilan secara berlainan dalam budaya yang berbeza. Sebagaimana budaya mempengaruhi persepsi keadilan dalam konteks yang berbeza (Mattila & Patterson 2004), budaya juga mempengaruhi persepsi keadilan dalam bola sepak.

Walaupun individu berbeza dari segi budaya, namun terdapat banyak cara mengkategorikan budaya yang menunjukkan perbezaan umum dari segi kegemaran, amalan, dan kepercayaan. Leung (2005) mengatakan kebanyakan kajian silang budaya tentang keadilan telah menggunakan skala kuasa-jarak dan skala individualisme-kolektivisme Hofstede untuk membezakan pelbagai budaya. Leung seterusnya berhujah bahawa apabila budaya lebih bersedia untuk menerima perbezaan kuasa (kuasa-jarak tinggi), layanan interpersonal yang lebih rendah tahapnya (seperti pencelaan, kemarahan, dan tidak mendengar kata-kata orang) oleh pihak berautoriti adalah lebih dijangkakan, dan mengakibatkan lebih kemarahan dan kesudahan yang negatif (Leung 2005). Berbanding dengan kebanyakan negara lain, Australia mendapat skor yang rendah dalam skala kuasa-jarak Hofstede. Sejajar dengan pendirian pada skor skala kuasa-jarak, pemain bola sepak Australia menunjukkan pilihan keutamaan yang kuat kepada pengadil yang melayan mereka dengan hormat dan bercakap secara biasa. Pemain menginterpretasikan kemarahan pengadil secara berlainan - dan selalunya secara negatif - sebagai tanda tidak menghormati, ancaman atau ketiadaan pengalaman, yang sering membawa kepada

kemarahan pemain (Simmons 2007). Sikap tidak suka akan kemarahan pengadil ini adalah konsisten dengan budaya yang mempunyai skala kuasa-jarak yang rendah dan lebih cenderung untuk memilih perhubungan yang sama rata dengan pihak autoriti.

Persepsi ketidakadilan oleh pemain tidak semestinya membawa kepada reaksi negatif seperti keganasan, penarikan diri, atau penipuan. Walau bagaimanapun, berdasarkan bukti sedia ada tentang kajian silang budaya mengenai keadilan organisasi, dan dengan menganggap pengadil sebagai pihak autoriti, penulis menjangkakan pemain-pemain Malaysia, iaitu negara yang mendapat skor yang sangat tinggi dalam indeks kuasa-jarak Hofstede, akan melihat dan bertindak balas secara kurang negatif terhadap pemaparan kemarahan dan tidak hormat pengadil, berbanding pemain dari Australia yang mempunyai skor kuasa-jarak yang jauh lebih rendah.

Hall & Reed-Hall (1990) mengatakan bahawa komunikasi dalam pelbagai budaya adalah berbeza dari segi konteks, iaitu jumlah maklumat dan penjelasan yang diharapkan oleh seseorang daripada seseorang lain atau situasi. Budaya 'konteks-rendah' seperti budaya Amerika Syarikat dan Jerman menjangkakan komunikasi yang lebih terbuka berbanding budaya 'konteks-tinggi', seperti yang terdapat di negara Amerika Latin dan Asia Timur, di mana maklumat dan penjelasan yang kurang terbuka adalah diperlukan untuk komunikasi yang berkesan (Koeszegi, Vetschera, & Kersten 2004). Bola sepak boleh dikonseptualisasikan sebagai situasi kehidupan konteks-tinggi, di mana peserta dapat memahami dengan baik peraturan dan corak interaksi, dan tidak memerlukan penjelasan. Pada masa yang sama penulis meramalkan bahawa pemain dari budaya konteks-tinggi dan budaya konteks-rendah akan membawa jangkakan komunikasi yang berbeza ke padang bola sepak. Kajian Simmons (2007) tentang pemain dari Australia, yang merupakan golongan budaya konteks-rendah, mendapati pilihan keutamaan pengadil ialah menyediakan penjelasan ringkas dan justifikasi bagi keputusan mereka. Tafsiran kepada hasil kajian ini adalah selari dengan budaya konteks rendah yang lebih memilih maklumat. Pada masa ini tidak terdapat data tentang pilihan keutamaan pemain-pemain dari budaya konteks-tinggi. Oleh itu, tidak diketahui sama ada pemain dari budaya konteks tinggi mempunyai pilihan yang sama yang mengutamakan pengadil yang menjelaskan keputusannya.

#### KAJIAN MASA KINI

Kajian yang dijalankan oleh penulis adalah berpandukan tesis Mellick et al. (2005), yang menyatakan bahawa pengadil perlu mempromosikan persepsi keputusan mereka sebagai adil dan saksama. Juga, berpandukan

hasil kajian Simmons (2007) yang berkaitan dengan beberapa pemaparan kemarahan, penjelasan dan usia yang mempengaruhi persepsi keadilan pemain terhadap pengadil. Kajian ini menyelidik kesan dua kelakuan komunikasi – penjelasan pendek dan pemaparan kemarahan, yang ada pada persepsi pemain terhadap keadilan pengadil dan keputusannya. Pemboleh ubah pengadil ketiga ialah usia. Kajian Simmons (2007) mendapati usia muda pengadil berfungsi sebagai heuristik yang menyebabkan pemain beranggapan pengadil sebagai kurang berpengalaman, dan dari segi mental dan fizikal kurang cekap untuk menilai dan membuat keputusan. Mereka juga dianggap lebih lemah untuk menangani tekanan pelbagai perlawanan, dan melaksanakan hukuman secara keterlaluan sebagai pendekatan mereka mengawal permainan. Hasil kajian yang mendapati pemain Australia mempunyai persepsi negatif terhadap pengadil muda adalah konsisten dengan kepercayaan pengadil pakar Australia yang beranggapan bahawa pengadil muda mengalami lebih banyak ketidakadilan (Oke 2005; Lorenc 2005). Hasil kajian di Sweden pula mendapati bahawa pengadil muda ialah mangsa kepada lebih banyak ancaman dan keganasan berbanding dengan pengadil yang lebih tua yang mempunyai tahap pengalaman yang sama (Folkesson, Nyberg, Archer & Norlander 2002).

#### KAEDAH KAJIAN

Kajian telah membandingkan kesan gaya komunikasi pengadil ke atas pemain yang dilihat sebagai signifikan dari segi penerimaan kelakuan adil. Ini adalah berpandukan dapatan kajian yang sebelumnya ke atas pemain (Simmons 2007) dan pengadil elit (Mellick et al. 2005 & Simmons 2006). Kajian menggunakan kaedah vignette bertulis, iaitu suatu kaedah yang banyak digunakan dalam kajian keadilan dalam organisasi dan psikologi. Dari segi reka bentuk kajian, secara keseluruhan terdapat lapan versi borang soal selidik yang dikonstruksi berpandukan dua adegan perlawanan, lapan kelakuan komunikasi pengadil yang berbeza dan faktor seperti umur pengadil yang berbeza bagi mengumpul persepsi pemain terhadap keadilan keputusan pengadil. Ini bertujuan membuktikan bahawa sewaktu perlawanan adanya cara komunikasi yang berbeza untuk satu kejadian yang sama dalam padang dan bahawa umur pengadil mempengaruhi penilaian pemain tentang kemampuan pengadil menjalankan tugas mereka dengan adil dan saksama. Dua kelakuan tersebut dianalisis secara berasingan. Negara-negara Australia, Malaysia dan Sepanyol dipilih kerana masing-masing menunjukkan skor yang berlainan dalam indeks kuasa-jarak Hofstede (1980) dan berbeza dalam dimensi-dimensi kebudayaan yang lain. Pada dimensi kuasa-jarak, Malaysia menduduki tempat

pertama, Sepanyol berada di tempat ke-31, dan Australia di kedudukan ke-41 (Hofstede 1997).

Identiti nasional para peserta dikenalpasti dan tiga (3) perkara disesuaikan daripada indeks dimensi kuasa-jarak Hofstede untuk mengenal pasti sikap terhadap pengadil sebagai suatu bentuk kuasa dan autoriti (Hofstede 1997). Pemboleh ubah bebas yang terkandung dalam dan bergilir-gilir melalui vignette ialah pemaparan kemarahan (ada atau tiada), penjelasan (ada atau tiada), dan usia pengadil (18 atau 35 tahun). Pemboleh ubah yang utama bergantung pada persepsi keadilan pemain terhadap pengadil, ketepatan keputusan, dan sikap serta niat kelakuan pemain yang berkaitan dengan pengadil. Satu skala dibina untuk mengukur tahap keadilan pengadil berdasarkan perkara-perkara yang mengukur persepsi kecakapan pengadil, kebergantungan ke atas pengadil, dan nilai hormat-menghormati. Ketiga-tiganya merupakan dimensi utama keadilan pengadil yang dilaporkan oleh Simmons (2007). Dalam pra-uji yang menggunakan satu sampel Australia ( $n = 80$ ), dan 'internal consistency' yang kuat dibuktikan melalui nilai koefisien 'alfa Cronbach 87'.

Melalui talian Internet lapan (8) vignette dalam format soal selidik telah dipersembahkan secara rawak kepada subjek. Setiap subjek dipersembahkan dengan hanya satu vignette dan mereka memberikan respon dalam skala Likert yang mempunyai sembilan (9) mata skala. Saiz sampel sebenar kajian melalui eksperimen secara 'online' dan survei ini adalah lebih besar daripada saiz sampel kajian mengikut reka bentuk eksperimen biasa. Ini disebabkan sampel menjawab soalan secara 'online' (penyelidik bertanggungjawab menyebarkan kajian ini dan menggalakkan pemain mengisinya). Sebagai langkah kawalan, kaedah 'online' tanpa pendedahan nama ini akan merekod alamat IP komputer yang setiap subjek gunakan apabila mereka 'login' untuk menjawab soalan. Ini bertujuan supaya boleh membantu mengenal pasti sebarang percubaan untuk 'mempengaruhi' keputusan soal selidik, atau sebaliknya. Dengan ini, kajian eksperimen ini mampu mengenakan kawalan sepanjang proses dengan set jawapan yang diperolehi diperiksa nombor IP setiap komputer.

#### SAMPEL AUSTRALIA, MALAYSIA DAN SEPANYOL

Dari segi persampelan, data diambil dari tiga buah negara yang berbeza, iaitu Australia, Malaysia dan Sepanyol. Sampel kajian terdiri daripada pemain bola sepak lelaki yang berdaftar untuk bermain di liga profesional (atau tahap amatur). Pengkaji bekerjasama dengan banyak pihak sama ada orang perseorangan mahupun kumpulan dari negara yang berlainan. Subjek kajian diperdapatkan

melalui persatuan-persatuan bola sepak, kelab dan pasukan bola sepak yang penyelidik kunjungi, dan juga (sebahagian besar) melalui e-mail kepada pemain, kelab dan persatuan bola sepak yang memiliki pautan 'online' untuk capaian borang soal-selidik.

#### KAEDAH VIGNET

Vignet merupakan satu kaedah penyelidikan yang mudah dan hanya memerlukan kos yang rendah untuk mendedahkan responden kepada situasi-situasi yang sukar untuk ditiru dalam kehidupan sebenar (Sleed et al. 2002). Ini disebabkan subjek kajian menjawabnya pada masa yang berbeza dan ruang untuk duduk bersama-sama berbincang untuk mencari jawapan adalah terbatas. Vignet adalah berguna dalam kajian soal selidik kerana membantu membina satu konteks yang lebih bernilai dan seragam berbanding penggunaan kaedah survei biasa yang menggunakan set borang soal selidik yang dibawa oleh enumerator (de Vaus 1995). Ini juga sangat berguna dalam reka bentuk eksperimental kerana membolehkan pembolehubah yang berlebihan dikawal (Sleed et al. 2002: 27) dan pembolehubah bebas dimanipulasikan dalam cara-cara yang membolehkan analisis hubungan sebab-akibat (de Vaus 1995). Vignet adalah tidak serumit kehidupan sebenar, dan dalam masa yang sama membolehkan pengkaji mereka bentuk satu konteks yang membangkitkan aspek-aspek dalam situasi kehidupan sebenar. Satu lagi kelebihan kaedah vignet ialah perhatian subjek boleh dibimbing ke arah aspek-aspek yang relevan tanpa perlu memberitahu subjek apakah aspek-aspek tersebut sebenarnya.

Video turut dipertimbangkan untuk diguna dalam kajian ini kerana teks gambar bergerak dipercayai lebih jelas, benar dan tepat berbanding penjelasan dalam bentuk penulisan (Sleed et al. 2002). Ini juga mengurangkan keperluan penyelidik menjelaskan konteks secara verbal kepada responden dalam tiga bahasa berasingan. Bagaimanapun kekayaan teks boleh mengurangkan kawalan ke atas apa yang difokuskan oleh responden (Sleed et al. 2002). Pembolehubah yang tidak berkaitan termasuk rupa muka, etnik, dan warna pakaian pemain dalam vignet video bola sepak berkemungkinan mempengaruhi penilaian subjek (Collins & Brief 1995). Responden juga dijangka 'mengaplikasikan stereotaip sendiri pada aspek-aspek watak dan kelakuan mereka yang tidak diberikan secara spesifik.' (Sleed et al. 2002: 25). Pembolehubah bergantung dalam kajian ini, iaitu reaksi responden terhadap kemarahan, penjelasan dan usia diseragamkan dengan menggunakan vignet bertulis.

Subjek kajian tidak mengetahui bahawa situasi direka untuk memfokus kepada komunikasi pengadil, dan juga tidak tahu bahawa keadaan-keadaan senario

dimanipulasikan. Berdasarkan Collins & Brief (1995: 93), deskripsi tentang perwatakan orang dalam vignet boleh mempunyai 'impak yang mendalam pada inferens subjek-pemerhati tentang kelakuan subjek-pemerhati terhadap orang sasaran' walaupun subjek-pemerhati tidak akan selalu mengakuinya jika ditanya tentang sebab penilaian mereka. Dalam setiap vignet, peristiwa perlawanan adalah sama dan satu-satunya maklumat yang disediakan tentang pengadil ialah keputusan yang dibuat olehnya dan dua pembolehubah bergilir, iaitu usia pengadil dan cara pengadil mengkomunikasikan keputusannya. Kajian ini menggunakan vignet untuk membantu mengakses 'inferens automatik' subjek tentang perwatakan pengadil, satu bentuk inferens yang mungkin tidak dapat diakses melalui penaipan laporan diri fenomenologi kesedaran (Collins & Brief 1995: 93-94).

Walaupun rekaan kajian ini berfungsi untuk mendapatkan reaksi yang spontan terhadap pemaparan komunikasi pengadil yang berlainan, kepalsuan vignet yang dipersembahkan dalam persekitaran eksperimental atau soal selidik membangkitkan kebimbangan tentang kesahihan data yang diperolehi dengan menggunakan kaedah ini. Bolehkah cerita yang ditulis begitu ringkas dapat dipersembahkan dengan mencukupi realiti konteks kepada subjek dan kemudian mencungkilkan respon yang sama dengan reaksi pemain terhadap situasi dunia sebenar? (Sleed et al. 2002: 22).

Sleed et al. (2002) menyentuh secara ringkas soal kesahihan luaran dalam tinjauan semulanya tentang perbezaan antara vignet bertulis dan video, tetapi tidak ada banyak bukti untuk membantu mengukuhkan penilaian. Vignet telah digunakan dalam bentuk audio dan video tetapi paling umum digunakan dalam bentuk bertulis (Sleed et al. 2002). Satu kajian tentang reaksi terhadap jenis ketidakadilan argumentatif yang berbeza menggunakan vignet yang sama yang dipersembahkan dalam empat cara, iaitu dua auditori, satu bertulis, dan satu permainan peranan. Kajian itu mendapati cara persembahan yang berbeza tidak mempunyai kesan pada reaksi kognitif, emosional, dan 'verbal' responden (Mischel 2002).

Peri pentingnya, hasil keputusan tersebut dipertimbangkan bersama hasil kajian. Beberapa hasil kajian sebelum ini telah melaporkan kepentingan pemaparan komunikasi diuji, dan literatur yang meluas tentang keadilan sosial psikologi yang memperkukuhkan rekaan kajian.

#### ISU-ISU KAEDAH SILANG-BUDAYA

Pengawalseliaan sesuatu perlawanan perlu mengambil kira konteks budaya. Kajian silang-budaya perlu peka dengan risiko yang timbul disebabkan terjemahan,

iaitu bahasa yang digunakan untuk membezakan emosi yang berlainan (Boucher 1979). Soalan-soalan dalam borang soal selidik yang konstruk di Australia telah diterjemahkan ke Bahasa Sepanyol dan Bahasa Melayu untuk responden di kedua-dua negara tersebut. Sarjana seperti Mattila dan Patterson (2004) pernah menekankan pentingnya perhatian diberikan kepada kebolehan dan penguasaan dwibahasa untuk kerja penterjemahan. Sebagai langkah kawalan, selepas versi Bahasa Inggeris asal yang dikonstruk di Australia itu diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol, terjemahan tersebut diterjemahkan semula ke dalam versi Bahasa Inggeris untuk mengenalpasti kelemahan ketepatan makna yang timbul sebelum perbincangan dan pembetulan dilakukan bagi menyeragamkan dan memantapkan makna sebagai kawalan eksperimental di antara tiga versi bahasa borang soal selidik tersebut.

Bagi mengawal ralat yang disebabkan terjemahan yang berkemungkinan mengubah makna walaupun dalam julat yang kecil, maklumat yang terkandung dalam borang soal selidik hanya memfokus kepada maklumat penting bertujuan memperolehi data yang dikehendaki. Dalam vignette tersebut, terdapat satu bahagian yang menggambarkan satu pertandingan yang kompetitif dan sengit. Kedua-dua pasukan sukar memperolehi gol yang mempunyai skor kosong (kerana perlawanan sedemikian dalam mana kedua-dua pasukan boleh menang dengan satu jaringan gol selalunya akan menyebabkan kedua-dua pasukan merasa tegang), dan masing-masing bersemangat tinggi dan gigih bermain untuk menang. Responden diminta memberikan maklumbalas kepada situasi tersebut dengan mengambil kira keputusan pengadil yang bertentangan dengan yang tidak memihak kepada kepentingan pasukan mereka. Ini disebabkan pengadil dari seluruh dunia lebih prihatin dengan kesan komunikasi 'verbal' pengadil yang semakin berkurangan dengan pemain-pemain yang terpaksa menerima keputusan yang tidak berpihak kepada mereka berbanding pemain-pemain yang menerima keputusan yang berpihak kepada kepentingan mereka.

Dalam kajian yang dijalankan, dalam babak penghujung perlawanan vignette direka untuk membina satu senario konteks bola sepak dalam mana pemain-pemain dari mana-mana konteks budaya akan boleh mudah kenalpasti dan faham. Cabaran di sini ialah untuk membina satu konteks yang boleh membangkitkan sesetengah aspek emosional dalam realiti bermain dalam satu perlawanan bola sepak, dan harus menyelitkan elemen-elemen keseronokan bermain dengan gigih untuk menewaskan pasukan lawan, keadaan tegang permainan yang disebabkan kedua-dua pasukan belum ada jaringan gol dan satu jaringan gol adalah memadai untuk memenangi perlawanan. Seterusnya senario perlawanan tersebut direka dengan berpandukan hasil kajian Bar-Eli (1995) yang menyentuh keadaan menghadapi keputusan negatif yang tidak memihak

pasukan sendiri, dan penuh dengan ketidakpastian. Dalam keadaan sedemikian, tiba-tiba pasukan lawan diberikan satu sepakan percuma yang berkemungkinan menyebabkan pasukan lawan memperolehi gol telah menambahkan lagi rasa tidak puas hati pemain.

Vignette ditulis dalam bentuk yang mampu menimbulkan elemen emosional tanpa gambaran bahawasanya pemain adalah mangsa prejudis atau kesilapan pengadil. Ini kerana vignette tersebut bertujuan mewujudkan senario keadaan perlawanan yang tegang sahaja dan persepsi dan sikap responden terhadap tindakan pengadil yang terhasil merupakan sebahagian daripada aspek yang ingin dilihat melalui kajian ini. Secara ringkas, tujuan kajian adalah untuk mewujudkan satu keadaan di mana responden berasa mereka bertindak dalam lingkungan peraturan permainan, tetapi pengadil memberikan keputusan yang bertentangan dengan kepentingan mereka. Setiap vignette bermula seperti berikut:

Bayangkan anda bermain dalam satu perlawanan bola sepak dan masa permainan sudah memasuki penghujung pertengahan separuh masa kedua. Permainan tersebut sengit, seimbang dan sukar memerlukan kekuatan fizikal pemain kedua-dua pasukan.

Kedua-dua pasukan telah beberapa kali terkena palang dan tiang gol tetapi masih tiada gol yang dijaringkan.

Seorang pemain lawan menggelecek bola ke arah pintu gol dan hanya berada beberapa meter di luar kotak penalti. Anda menerjah dari sisi dan menapis bola keluar. Anda rasa terjahan itu mungkin sah.

Adegan di atas menggambarkan bahawa satu insiden telah berlaku di antara dua pemain daripada dua pasukan yang sedang berlawan dan pengadil telah campur tangan dengan memberikan satu keputusan yang memihak kepada pasukan lawan. Perenggan berikutnya adalah berbeza-beza mengikut lapan faktor yang berbeza seperti umur pengadil sama ada muda atau tua, dan kata-kata pengadil yang berbeza-beza seperti ... 'ia adalah sepakan percuma, teruskan permainan'; ... 'anda telah melanggar pemain lawan sebelum mendapat menguis bola tersebut. Jika anda buat lagi saya akan layankan kad merah ...'; ... 'ia adalah sepakan percuma. Betul anda dapat bola, tetapi anda bersentuhan dengan pemain tersebut terlebih dahulu sebelum mendapat bola...', dan sebagainya apabila menjawab pertanyaan 'untuk apa itu?' oleh pemain kepada pengadil.

Di Malaysia dan Sepanyol pengumpulan data dalam talian telah dilakukan pada bulan Mac sehingga Mei 2008, iaitu sebelum persidangan I-Come pada Jun 2008 apabila analisis awal dan perbandingan antara pelbagai budaya akan dibincangkan. Ini akan membantu pentafsiran hasil kajian.

## KESIMPULAN

Makalah ini mengutarakan satu perspektif baru dalam melihat bagaimana sukan boleh dikawal dengan lebih baik, iaitu melalui komunikasi 'verbal' dan 'non-verbal' yang digunakan oleh pengadil sewaktu menyelesaikan insiden-insiden dalam sesuatu perlawanan dan yang sebenarnya merupakan faktor utama penentu penerimaan pemain terhadap keputusan pengadil. Kajian lalu berhubung kesalahan-kesalahan pemain dalam padang bola telah mendedahkan bahawa pemain akan lebih cenderung memberikan kerjasama kepada pengadil jika mereka berpendapat pengadil bertindak adil dalam pengendalian sesuatu insiden (dipercayai sebenarnya berpandukan gaya komunikasi oleh pengadil). Aspek budaya diambil kira kerana latar belakang budaya dan nilai sama ada pengadil mahupun pemain mempengaruhi corak permainan. Malahan, taraf kualiti sukan bola sepak sesebuah negara sering kali dikaitkan dengan budaya nasional sesebuah negara terlibat. Sorotan literatur banyak bergantung pada usaha-usaha Simmon et al. (2006; 2007) yang merintis kajian ini dan hasil-hasil kajian komunikasi keorganisasian (berkumpulan) yang turut menekankan komunikasi silang-budaya sebagai kerangka teoritis kajian ini. Oleh kerana aspek yang dilihat bersifat mikro (tetapi mempunyai kesignifikanan yang besar), kajian ini menggunakan kaedah vignette untuk memperolehi data daripada pemain-pemain sebagai responden. Bagi memperolehi data yang lebih komprehensif, pesampelan kajian ini melibatkan tiga buah negara, iaitu Australia, Malaysia dan Sepanyol. Usaha ini dipercayai dapat melengkapkan aspek-aspek yang akan membantu mempertingkatkan mutu sukan bola sepak (menutup 'loophole' yang ada kini dalam kajian sukan bola sepak) dan mempunyai peranan signifikan dari segi menyumbang kepada pengenalan peraturan dan modul latihan yang lebih baik untuk pengadil.

## RUJUKAN

- Ausref website. Ausref - Football Referees Australia: <http://refsroom.ausref.com/viewtopic.php?f=3&t=2420>. (Retrieved March 8, 2007).
- Australian Sports Commission (ASC). Evaluation Report of a National Survey on the Impact of the Year of the Official. 2004 June. Copy held by author.
- Balmer, N., Nevill, A., Lane, A., Ward, P., Williams, M., Fairclough, S. 2007. *Journal of Sport Behavior* 30(2): 130-145.
- Bar-Eli, M., Tenenbaum, G., & Geister, S. 2006. Consequences of Players' Dismissal in Professional Soccer: A Crisis-related Analysis of Group-size Effects. *Journal of Sports Sciences* 24(10): 1083-1094.
- Bar-Eli, M., Levy-Kolker, L., Pie, J.S., & Tenenbaum, G. 1995. A Crisis-related Analysis of Perceived Referees' Behavior in Competition. *Journal of Applied Sport Psychology* 7(1): 63-80.
- Bies, R.J. & Moag, J.S. 1986. Interactional Justice: Communication Criteria on Fairness. In, *Research on Negotiations in Organizations* disunting oleh RJ Lewicki, B.H. Sheppard & M.H. Bazerman. Greenwich CT: JAI Press.
- Boucher, J. 1979. Culture and Emotion. Dlm. *Perspectives on Cross-Cultural Psychology*. Marsella, A. J., Tharp, R.G., and Ciborowski, T.J. San Francisco, CA: Academic Press.
- Boyko, R., Boyko, A., Boyko, M. 2007. Referee Bias Contribute to Home Advantage in English Premiership Football. *Journal of Sports Sciences* 25(11): 1185-1194.
- Buttner, E.H. 2004. How do we "Dis" students?: A Model of (dis) Respectful Business Instructor Behaviour. *Journal of Management Education* 28(3) June: 319-334.
- Chory-Assad, R.M. & Paulsel, M.L. 2004. Classroom Justice: Student Aggression and Resistance as Reactions to Perceived Unfairness. *Communication Education* 53(3): 253-273.
- Cole, N.D. 2004. Gender Differences in Perceived Disciplinary Fairness. *Gender, Work and Organization* 11(3).
- Collins, B. & Brief, D. 1995. Using Person-Perception Vignette Methodologies to Uncover the Symbolic Meanings of Teacher Behaviours in the Milgram Paradigm. *Journal of Social Issues* 51(3): 89-106
- Colquitt, J.A., Greenberg, J. & Zapata-Phelan, C.P. 2005. What is Organizational Justice? A Historical Overview. Dlm. *Handbook of Organizational Justice*, disunting oleh J Greenberg and JA Colquitt. New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Collie, T., Bradley, G., & Sparks, B.A. 2002. Fair Process Revisited: Differential Effects of Interactional and Procedural Justice in the Presence of Social Comparison Information. *Journal of Experimental Psychology* 38: 545-555.
- Conlon, D.E., Meyer, C.J. & Nowakowski, J.M. 2005. How Does Organizational Justice Affect Performance, Withdrawal, and Counterproductive Behaviour? Dlm. *Handbook of Organizational Justice* disunting oleh J. Greenberg and J.A. Colquitt. New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- deVaus, D.A. 1995. *Surveys in Social Research*. 4<sup>th</sup> Edition. Allen and Unwin: St Leonards.
- FIFA Laws of the Game 2007/8. July 2007. <http://www.fifa.com/mm/document/affederation/federation/laws%5f0f%5fthe%5fgame%5f0708%5f10565.pdf> ( Retrieved February 12, 2008).
- FIFA/ Coca-Cola World Ranking. from <http://www.fifa.com/worldfootball/ranking>. (Retrieved August 20, 2009).
- Folkesson P., Nyberg C., Archer T. & Norlander, T. 2002. Soccer Referees' Experience of Threat and Aggression: Effects of Age, Experience, and Life Orientation on Outcome of Coping Strategy. *Aggressive Behaviour* 28 (4).
- Greenberg, J. 2006. Losing Sleep Over Organizational Injustice: Attenuating Insomniac Reactions to Underpayment Inequity With Supervisory Training in Interactional Justice. *Journal of Applied Psychology* 91(1): 58-69.
- Hall, E. & Reed-Hall, M. 1990. *Understanding Cultural Differences: Keys to Success in West Germany, France and the United States*. Yarmouth: Intercultural Press.
- Hofstede, G. H. 1980. *Culture's Consequences*. Beverley Hills, CA: Sage.
- . 1997. *Culture and Organisations: Software of the Mind*. New York: McGraw-Hill.
- Jeffries, C.M., & Maeder, D.W. 2004. Using Vignettes To Build and Assess Teacher Understanding of Instructional Strategies. *Professional Educator* 27(1/2): 17-28.

- Jordan, J.S., Gillentine, J.A., & Hunt, B.P. 2004. The Influence of Fairness: The Application of Organizational Justice in a Team Sport Setting. *International Sports Journal* Winter: 139-149.
- Koeszegi, S., Vetschera, R., & Kersten, G. 2004. National Cultural Differences in the Use and Perception of Internet-Based NSS: Does High or Low Context Matter? *International Negotiation* 9.
- Leung, K. 2005. How Generalizable are Justice Effects Across Cultures? Dlm. *Handbook of Organizational Justice*, disunting oleh J. Greenberg & J.A. Colquitt. New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Lind, E.A. 2001. Fairness Heuristic Theory: Justice Judgments as Pivotal Cognitions in Organizational Relations. Dlm. *Advances in Organizational Justice*, disunting oleh Greenberg, J. Stanford CA: Stanford University Press.
- Lind, E.A., Kray, L. & Thompson, L. 2001. Primacy Effects in Justice Judgements: Testing Predictions from Fairness Heuristic Theory. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 85(2) July: 189-210.
- Lorenc, R. 2005. National Refereeing Manager, Football Federation of Australia (FFA). Personal communication and report of an FFA Survey.
- MacMahon, C., Helsen, W.F., Starkes, J.L., & Weston, M. 2007. Decision-making Skills and Deliberate Practice in Elite Association Football Referees. *Journal of Sports Sciences* 25(1): 65-78.
- Mascarenhas, D., Collins, D., & Mortimer, P. 2005. Elite Refereeing Performance: Developing a Model for Sport Science Support. *The Sport Psychologist* 19: 364-379.
- Mascarenhas, D. & Collins, D. (unpublished) Referee Decision-making: It's Not What You Give it's the Way You Give It. (working title). Copy held by author.
- Mattila, A.S. & Patterson, P.G. 2004. Service Recovery and Fairness Perceptions in Collectivist and Individualist Contexts. *Journal of Service Research* 6(4).
- McCull-Kennedy, J.R. & Sparks, B.A. 2003. Application of Fairness Theory to Service Failures and Service Recovery. *Journal of Service Research*. February 5(3).
- Mellick, M.C., Fleming, S., Bull, P., & Laugharne, E.J. 2005. Identifying Best Practice for Referee Decision Communication in Association and Rugby Union Football. *Football Studies* 8(1).
- Mischo, C. 2002. Personality and Ability Effects on Reactions to Argumentative Unfairness. *Social Justice Research* 15(1): 1-18.
- Mohr, P.B. & Larsen, K.L. 1998. In group Favoritism in Umpiring Decisions in Australian Football. *Journal of Social Psychology* 13(4): 495-504.
- Oke, W. 2005. Referees Development Officer, NSW Soccer Referees. Personal Communication.
- Pawlenka, C. 2005. The Idea of fairness: A General Ethical Concept or One Particular to Sports Ethics. *Journal of the Philosophy of Sport* XXXII: 49-64.
- Shapiro, D. Brett, J.M. 2005. What Is the Role of Control in Organizational Justice? Dlm. *Handbook of Organizational Justice*, disunting oleh J. Greenberg and J.A. Colquitt. New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Simmons, P. 2006. Tackling Abuse of Officials: Attitudes and Communication Skills of Experienced Football Referees. Paper presented to the Australia and New Zealand Communication Association Conference. University of Adelaide, Adelaide, Australia. [http://www.adelaide.edu.au/anzca2006/conf\\_proceedings/simmons\\_peter\\_tackling\\_abuse\\_football\\_referees.pdf](http://www.adelaide.edu.au/anzca2006/conf_proceedings/simmons_peter_tackling_abuse_football_referees.pdf).
- Simmons, P. 2007. Fair call: Player Perceptions of Justice in Football Referee Communication. Paper presented to the Australia and New Zealand Communication Association Conference. Melbourne University, Melbourne, Australia.
- Sitter, V.L. 2003. Communication Style as a Predictor of Interactional Justice. Paper presented at the International Leadership Studies Conference. August. [http://www.regent.edu/acad/sls/publications/conference\\_proceedings/international\\_leadership\\_conference/2003pdf/sitter\\_communication\\_style.pdf](http://www.regent.edu/acad/sls/publications/conference_proceedings/international_leadership_conference/2003pdf/sitter_communication_style.pdf). (Retrieved on 9 October, 2006).
- Skarlicki, D.P., & Latham, G.P. 1997. Leadership Training in Organizational Justice to Increase Citizenship Behavior within A Labor Union: A Replication. *Personnel Psychology* 50(3): 617-633
- Sleed, M., Durrheim, K., Kriel, A., Solomon, V., & Baxter, V. 2002. The Effectiveness of the Vignette Methodology: A Comparison of Written and Video Vignettes in Eliciting Responses About Date Rape. *South African Journal of Psychology* 32(3) Sept.: 21-28 .
- van den Bos, K. 2005. What is Responsible for the Fair Process Effect? Dlm. *Handbook of Organizational Justice*, disunting oleh J. Greenberg and J.A. Colquitt New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- van den Bos, K., Burrows, J.W., Unphress, E., Folger, R., Lavelle, J.J., Eaglestone, J., & Gee, J. 2005. Prior Experiences as Temporal Frames of Reference in Social Justice: The Influence of Previous Fairness Experiences on Reactions to New and Old Supervisors. *Social Justice Research* 18(2): 99-120.
- van den Bos, K., Vermunt, R. & Wilke, H.A. 1996. The Consistency Rule and the Voice Effect: The Influence of Expectations on Procedural Fairness Judgements and Performance. *European Journal of Social Psychology* 26: 411-428.
- Vermunt, R. & Steensma, H. 2005. How Can Justice be Used to Manage Stress in Organizations? Dlm. *Handbook of Organizational Justice*, disunting oleh J. Greenberg and J.A. Colquitt. Lawrence Erlbaum: New Jersey.
- Wolfson, S. & Neave, N. 2007. Coping Under Pressure: Cognitive Strategies for Maintaining Confidence Among Soccer Referees. *Journal of Sport Behavior* 30(2): 232-247.
- Wikipedia, List of Football Referees. [http://en.wikipedia.org/wiki/List\\_of\\_football\\_referees](http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_football_referees).
- Peter Simmons, PhD.  
(Affiliations: FIFA Joao Havelange Research Scholar)  
School of Communication,  
Charles Sturt University,  
Bathurst, NSW, 2795, Australia.  
psimmons@csu.edu.au
- Lee Kuok Tiung  
School of Social Sciences,  
Universiti Malaysia Sabah,  
Locked Bag 2073, 88999  
Kota Kinabalu, Sabah  
lee@ums.edu.my